

THE GIFT

sam
singaporeartmuseum
CONTEMPORARY ART IN SOUTHEAST ASIA

collecting
entanglements
Embodied
Histories

Hadiah

Pengumpulan Keterikatan dan Sejarah yang Termanifestasi

Apa yang terkandung dalam sebuah hadiah?


Dari aksi sosial ke persembahan budaya atau konsep falsafah, amalan lazim memberi hadiah sebenarnya berunsur tidak jelas dan bertentangan, lantas menjadi sumber daya tarikan, kegelisahan dan mengundang perbincangan. Berbeza daripada urusan niaga ekonomi, setiap hadiah membawa makna yang jauh melangkaui objek pertukarannya. Ia merupakan sebuah manifestasi kemurahan hati si pemberi, yang sering akan menjadikan si penerima berasa terhutang budi, dan tanpa sengaja boleh menjadi sesuatu yang membebankan.

Pameran, *Hadiah*, ini merupakan sebahagian daripada projek yang lebih luas bertajuk *Pengumpulan Keterikatan dan Sejarah yang Termanifestasi* yang dikembangkan sebagai dialog antara koleksi empat buah muzium. Perbincangan ini dilanjutkan di empat pameran yang berkaitan termasuk pertukaran karya seni. Penerokaan koleksi ini turut mendedahkan sejarah pengumpulan—sama ada hadiah yang diterima, penemuan luarbiasa dan pengiktirafan atas kepentingannya. Sama seperti hadiah, nilai objek yang terkumpul mencerminkan status dan prestij koleksi itu, tetapi turut mengenakan tugas menjaga dan memelihara kemewahan tersebut.

Namun begitu, hadiah tidak semestinya mewajibkan balasan atau hutang budi. Tanpa membalas, penerima sekadar menunduk kepada penerimaan hadiah itu. Lagipun, ketidaksetaraan kuasa dan berhutang budi yang memberikan makna kepada hadiah itu. Kerana kepentingan bukan terletak pada objek hadiah itu sendiri tetapi prestasi hubungan saling berkait yang menyimpulkan ikatan antara manusia, meninggalkan kesan pada objek dan kenangan.

Hadiah hanya bergelar hadiah jika ia berkuasa mengikat.

Pengumpulan Keterikatan dan Sejarah yang Termanifestasi ialah dialog di antara koleksi di Muzium Kesenian Singapura, Galeri Nasional Indonesia, Muzium Kesenian Kontemporari MALLAM, dan Nationalgalerie – Staatliche Museen zu Berlin, yang diterajui oleh Goethe-Institut. Pameran-pamerannya menampilkan barisan kurator June Yap, Anna-Catharina Gebbers, Grace Sambok dan Gridthiya Gaweewong.



① **Joseph Beuys** (l. 1921, Jerman; m. 1986, Jerman)
Energiestab

1974

Tembaga dan felt

415 × 0.9 cm

Koleksi Staatliche Museen zu Berlin, Nationalgalerie, Koleksi Marx

Energiestab (Tongkat Tenaga) mencerminkan aspek utama material dan konsep amalan seni berpengaruh Joseph Beuys, yang dapat dikesan kembali kepada ideal beliau tentang Eurasia yang

dipegang beliau, yang mencabar konsep perbatasan dan perbezaan antara budaya dan estetik. Bagi Beuys, Eurasia mempunyai ciri nomadisme yang muncul pada Perang Dunia ke-2, selepas sebuah pengalaman di mana Beuys hampir mati pada tahun 1944 di Crimea ketika sedang berkhidmat dalam Tentera Udara Jerman. Kapal terbang Beuys telah ditembak jatuh dan beliau teringat bagaimana beliau telah diselamatkan oleh kaum Tatar, yang membungkusnya dengan lapisan lemak dan kain felt untuk mengekalkan kehangatan tubuh badannya.

Walaupun naratif ini dianggap agak mitos, ia merubah amalan estetik Beuys. Ia menyumbang kepada pembentukan estetik khusus beliau, dengan persamaan dalam pelbagai topik yang diminati dan cabang kosmologi pegangan Beuys. Ini termasuk konsep penyembuhan yang diungkapkan melalui material penebat haba dari kain felt, dan tenaga serta semangat kerohanian yang dipercayai terkandung dalam tembaga. Berkaitan dengan tembaga, tenaga ada sangkut pautnya dengan tubuh badan, persembahan dan penciptaan, seperti dihuraikan Beuys di dalam ceramah jelajah pertamanya di Amerika pada tahun 1974, bertajuk "Pelan Tenaga untuk Manusia Barat," di mana beliau memperjuangkan kebebasan berkarya. Bentuk tongkatnya pula memberikan konotasi amalan perdukunan—juga merujuk kepada kaum Tatar—fungsi tongkat itu adalah untuk mengingatkan pengembara akan kaitannya dengan kuasa penunjuk arah dan menjadi teman kepada mereka yang berkelana.

② **Salleh Japar** (l. 1962, Singapura)
Lahir dari Api

1993

Akrilik pada kanvas, plexiglass, mentol lampu, kayu dan kertas hunt


Dimensi berbagai

Koleksi Muzium Kesenian Singapura

Karya seni Salleh Japar mengundang renungan terhadap topik identiti, perlambangan dan nilai pegangan. Namun, topik berat ini diberikan pentafsiran terbuka, halus dan tidak preskriptif.

Dalam *Lahir dari Api*, tiga kanvas terbakar memaparkan simbol dari dunia sekeliling kita. Anak panah, jambatan, pintu gerbang, gunung, dan pokok menghidupkan konsep arah, perhubungan, ambang batasan dan kehidupan. Simbol-simbol ini membawa makna di peringkat sejagat, dikenali dan boleh dicam merentas budaya dan kepercayaan, tetapi juga bersifat peribadi dalam konteks kehidupan harian seseorang. Salleh menganggap pendekatan unsur ini turut mengimbuai pengalaman yang lebih mendalam, berkaitan hal kerohanian yang mendalam. Di sini, unsur api digunakan untuk membangkitkan kuasa perubahan. Perkaitan ini diilhamkan oleh tempoh masanya di Australia, menghadapi kuasa penjanaan semula dalam keganasan kebakaran hutan—yang dianggap membinasakan, tetapi perlu, khususnya untuk pokok gum.

Transformasi sebegini merupakan teras kolaborasi bersejarah pada tahun 1988, *Trimurti*, oleh Salleh Japar, S. Chandrasekaran dan Goh Ee Choo, yang dipamerkan di Goethe-Institute, Singapura. Dalam *Trimurti*, amalan seni mereka yang berbeza menjadi tersulam bersama, sekalipun mereka mendapat inspirasi sesama sendiri, untuk mencipta ruang untuk merenung kitaran penciptaan, pembinasaan dan pemuliharaan yang saling bergantung.



① **Ahmad Sadali** (l. 1924, Indonesia; m. 1987, Indonesia)
Gunungan Emas (The Golden Mountain)

1980

Minyak, kayu dan kanvas

80 × 80 cm

Koleksi Galeri Nasional Indonesia

Gunungan Emas merujuk kepada bentuk dan peranan gunung pada lanskap, budaya dan seni. Gunung ialah bentuk geologi yang boleh diperluas makna daripada unsur fizikal kepada lambang kuasa,

semangat kedewaan dan hubungan kerohanian. Contoh makna yang diperluaskan adalah Gunung Meru—gunung itu dianggap suci dalam kosmologi Hindu dan Buddha, berperanan sebagai pusat alam semesta. Lebih hampir dengan Pulau Jawa tentunya Gunung Merapi yang turut dipuja, walaupun status sebagai gunung berapi aktif membawa risiko kepada penduduk sekeliling.

Selalunya digambarkan dengan lambang segi tiga, gunung dalam lukisan Ahmad Sadali berbentuk piramid yang berisi, menunjukkan kemuncak yang dihiasi emas. Meskipun Sadali sering dianggap “bapa lukisan abstrak,” oleh para cendekiawan kesenian Indonesia, komposisi material kompleks dan bertekstur *Gunungan Emas* mencadangkan renungan terhadap ciri gunung yang melangkah jauh daripada formalisme dan menjurus kepada renungan unsur sejagat dan kerohanian. Penggunaan daun emas yang teliti bukan berniat mengungkapkan nilai semata, tetapi menyatakan ciri berkekalan unsur alami. Gabungan estetik bahan, bentuk dan simbol menyampaikan maksud kekuasaan namun tetap berakar umbi di dunia.

② **Salleh Japar** (l. 1962, Singapore)
Gunungan II

1989–1990

Lukisan dan media campuran

107 × 102 cm

Koleksi Muzium Kesenian Singapura

Salleh Japar meneruskan penerokaan ungkapan simbolik dalam *Gunungan II*, meneliti dan menapis rupa bentuk dan keterkaitan bentuk-bentuk yang kelihatan di sekeliling kita, termasuk yang bersifat kerohanian dan transedental. Karya dari tempoh ini diilhamkan dari perjalanan beliau ke outback Australia dan lokasi budaya bersejarah merentas Indonesia, Thailand dan Myanmar, serta renungan terhadap perhubungan budaya dan simbolik. Di pameran Singapura *5 Directions: Recent Artworks by Five Young Singapore Artists* (5 Arah: Karya Terbaru Oleh Lima Seniman Muda) yang berlangsung pada tahun 1994 dan dikurasi oleh Choy Weng Yang, Salleh berkata, “Ada simbol pada karya saya. Simbol ialah realiti yang terkandung dalam unsur semulajadi pada setiap sesuatu. Melalui simbol, kita disedarkan: melalui simbol kita diubah, dan melalui simbol juga kita meluahkan apa yang tersemat di hati.”

Salleh berusaha mencari imbang harmoni di antara simbol seperti yang dilihat di *Gunungan II*, mencambahkan konfigurasi baharu. Terhasil komposisi formal yang mengimbau tenaga. Dinamisme yang terhasil oleh ketegangan dan hubungan antara simbol dilihat pada unsur yang mirip pendulum, di mana orientasi ditentukan oleh tarikan graviti dan bukan permukaan bercat. Tenaga ditambah oleh pilihan bahan dan warna pada karya—abu dari api, tali berwarna merah darah dan lakaran yang menangkap bentuk tangan seniman.

③ **Korakrit Arunanondchai** (l. 1986, Thailand)
Melukis bersama Sejarah: Thailand's got talent 2012
Di mana agaknya Duangjai Jansaonoi sekarang?

2018

Kerajang emas, cetakan inkjet pada kanvas, medium gel, denim luntur dan peregang

218.4 × 162.6 × 3.8 cm

Koleksi Muzium Kesenian Kontemporari MALLAM

④ ***Melukis bersama Sejarah: Membakar "Saya" Sejagat dalam naratif Barat adalah satu cara untuk melihat lukisan ini***

2018

Media Campuran; cetakan inkjet pada kanvas, medium gel, denim luntur dan peregang


218.4 × 162.6 × 3.8 cm

Koleksi Muzium Kesenian Kontemporari MALLAM

Korakrit Arunanondchai mencabar genre lukisan sejarah—selalunya paparan realistik yang melambangkan peristiwa atau adegan dengan niat penyampaian didaktik—dengan adunan “sejarah” dan “lukisan.” Bermula pada 2013, siri ini, *Melukis bersama Sejarah di Bilik Dipenuhi Manusia dengan Nama Aneh*, dizahirkan dalam pelbagai format dari lukisan ke denim cucian asid dan video pemasangan yang termasuk patung manekin, penghibur, bantal denim dan kadang kala juga cahaya laser, namun semuanya bertumpukan beberapa subjek utama.

Tajuk yang diberi mengolah prinsip sejarah seni Barat, dan beban yang diletakkan sejarah itu ke atas seorang seniman kontemporari dari Thailand. Penggunaan denim oleh Korakrit berasal dari sesi kontroversi “lukisan tubuh” yang disiarkan di televisyen pada 2012 oleh penari go-go, Duangjai Jansaonoi, di rancangan pertandingan *Thailand's Got Talent*. Persembahan Duangjai mencetuskan perbincangan awam mengenai estetik, dan dirancakkan lagi oleh bantahan awam kepada keadaannya yang berbogel, kerana beliau melukis dengan menggunakan tubuhnya. Dalam lukisan Korakrit, denim melambangkan budaya popular dan budaya pengguna, sekaligus kritikan terhadap binari tinggi dan rendah, selain mencipta rangka kerja sendiri berhubung penciptaan estetik.

Proses menghasilkan lukisan termasuk membakar kanvas yang kemudian diambil gambar oleh Korakrit, di mana imej yang tercipta digunakan untuk menggantikan bahagian sebenar yang terbakar. Dengan cara ini, beliau memegunkan detik transformasi yang menjadi titik permulaan penerokaannya kepada subjek waktu bersejarah, kelahiran semula, kesedaran, diri dan roh.



① **Dolorosa Sinaga** (l. 1952, Indonesia)
Solidariti

2000

Gangsa, diolah semula menggunakan gentian kaca

110 × 43 × 83 cm

Edisi terbuka

Koleksi seniman

Dikomisyen oleh Goethe Institut Indonesia

Solidariti ialah ungkapan bersemangat perpaduan dan bantahan terhadap rusuhan Mei 1998 di

Indonesia, yang amat menghambat hak dan kebebasan wanita. Arca memaparkan tujuh figura wanita berdiri bahu bertemu bahu dan berhubung tangan, dan segenggam tangan diangkat ke udara. Posisi dan ekspresi muka figura menunjukkan pergolakan psikik yang terkesan oleh trauma: muka mereka menghalu ke langit manakala mulut mereka terbuka akibat sengsara, tubuh yang tersusun rapat membangkitkan tema dramatik, saling berhimpit sehingga membayangkan tembok kesepakatan yang tidak mungkin dirempuh.

Kajian ke atas “nahu tubuh”—kajian ke atas keadaan dan kegiatan tubuh untuk meluahkan ekpresi arca—ialah kunci kepada amalan seni Dolorosa Sinaga. Karyanya dirangka dari figura wanita bergerak, cara mengisyaratkan dan menghidupkan ragam langsung dan mengghairahkan apabila bergelar insan bernyawa.

Apabila dilihat dalam konteks kegiatan Sinaga dalam aktivisme politik, karya ini ialah penghormatan penting kepada kemanusiaan dan idealisme harian yang disalurkan untuk menghadapi pelbagai isu penting, seperti hak asasi manusia dan perjuangan demokrasi di Indonesia pasca Order Baharu.

② **Ampanee Satoh** (l. 1983, Thailand)
Cahaya (24:31)

2013

Himpunan 8 gambar, cetakan pigmen pada kertas

180 × 120 cm (setiap satu)

Koleksi Muzium Kesenian Singapura

Dalam *Cahaya (24:31)*, tubuh manusia dianggap lokasi kitaran unsur identiti, serta keterkaitan yang saling berhubung dan bersifat pelbagai. Lapan potret sebesar saiz sebenar memaparkan figura yang dilitupi burqa hitam. Sekilas pandang, mereka kelihatan seperti lazimnya amalan melitupi tubuh, tetapi apabila diteliti, terlihat bahagian tubuh yang terdedah sambil dikelilingi kain gelap.

Ampanee Satoh berpendapat bahawa tubuh yang lazim dianggap berharga maka dilindungi, juga berperanan sebagai sumber identiti dan autonomi individu. Potret beliau mengetengahkan kerumitan pada tafsiran tubuh yang dilihat, dan berkait dengan asal-usul Satoh dari provinsi majoriti Islam, Pattani, Thailand, lokasi di mana impak identiti budaya, negara bangsa dan kepercayaan sangat ketara. *Cahaya (24:31)* mempertimbangkan pelbagai maksud tersirat pada amalan melitupi tubuh, dan meneliti amalan ini melalui perspektif Satoh.

③ **Donna Ong** (l. 1978, Singapura)
Penjaga

2008

Pemasangan multimedia


8 × 5 × 2.7 m

Koleksi Muzium Kesenian Singapura

Dalam karya ini, Donna Ong mencipta persekitaran rekaan yang melanjutkan sejarah *Friendship Doll Project* (Projek Anak Patung Persahabatan) yang dipelopori mubaligh Amerika Syarikat, Reverend Sidney Gulick.

Berikutan Akta Imigresen yang diluluskan Kongres Amerika Syarikat pada 1924, projek Reverend Gulick bermula dengan hadiah popular berupa koleksi anak patung bermata biru kepada Jepun pada 1927, simbol hubungan mesra kedua-dua negara. Jepun membalas dengan menghantar anak patung berpakaian kimono berhias rapi kepada Amerika Syarikat. Malangnya, pengeboman Pearl Harbour dan Perang Dunia Kedua merosakkan hubungan dua hala, dan anak patung tersebut menjadi mangsa ketegangan, memandangkan mereka dianggap duta dan wakil setiap negara. Banyak anak patung ini dihapuskan, dilepaskan oleh koleksi muzium atau disorok daripada tatapan umum.

Menyingkap detik bersejarah ini, seorang penjaga menjelma, dengan aksi seakan memerhatikan memori anak-anak patung itu. Juga terlihat video di mana masa yang berlalu dilambangkan oleh lampu yang terang dan malap bersilih ganti, menjadi saksi akan kewujudan anak-anak patung ini dan menggambarkan mereka seperti bertemu akhirnya, dalam suasana mesra.



① **Holly Zausner** (l. 1951, Amerika Syarikat)
Nafas Kedua

2005

Filem 16 mm super, didigitalkan, warna dan bunyi (stereo),
10:16 min

Koleksi Staatliche Museen zu Berlin, Nationalgalerie
2005 dibeli oleh Freunde der Nationalgalerie

Nafas Kedua memaparkan potret sejarah Berlin yang panjang dan bersimpang siur melalui pengamatan Zausner. Diilhamkan oleh tempoh

menetap dan bekerja di bandar itu pada tahun-tahun 1990-an, Zausner menghasilkan siri figura agam yang diperbuat daripada silikon getah dan bahan berkait. Filem ini menunjukkan Zausner berinteraksi dengan figura tersebut dalam siri adegan bertempat di lokasi utama bandar, termasuk Potsdamer Platz, Neue Nationalgalerie, Sungai Spree dan Palast der Republik yang kini sudah dirobuhkan. Setiap adegan menunjukkan figura yang besar dan berat seperti 'melawan' manipulasi pergerakan olah Zausner, menjadikan metafora abstrak tubuh sebagai beban sejarah kenyataan fizikal.

Interaksi Zausner dengan figura-figura tersebut, melalui daya graviti tubuh Zausner sendiri, membentuk pelbagai persekitaran. Menganggap bandar sebagai pentas, Zausner menyuluh perhatian kepada ruang serta objek dan tubuh yang mendiaminya. Koreografi Zausner memaparkan senario yang pelbagai dan tidak linear, menyongsangkan koordinat lazim lokasi terkenal, mengganggu fungsi harian mereka dan memberikan sudut pandang subjektif yang baharu.

② **Bruce Nauman** (l. 1941, Amerika Syarikat)
Tekanan Tubuh

1974

Dinding, teks dan poster


Dimensi berbagai

Friedrich Christian Flick Collection im Hamburger Bahnhof, Berlin

Tubuh badan ialah alat mujarab dalam karya somatik Bruce Nauman, menarik perhatian kita ke pergerakan yang dilihat biasa. Contoh terkenal ialah persembahan solo video awal Nauman, *Walking in an Exaggerated Manner Around the Perimeter of a Square* (Berjalan dengan Gaya Berlebihan Mengelilingi Perimeter Dataran (1967-8), di mana aksi senaman berulang bukan hanya menandakan ruang tetapi batas tubuh manusia. Bagi Nauman, badan yang sedia ada tanpa sebarang olahan atau hiasan menawarkan banyak peluang untuk penerokaan.

Tekanan Tubuh menggabungkan pendekatan Nauman yang konseptual dan yang berciri persembahan. Berbeza daripada kebanyakan karya beliau yang lain, audiens dan bukan Nauman sendiri yang memegang peranan penghibur. *Tekanan Tubuh* memaparkan set arahan yang mengundang audiens untuk merapatkan tubuh mereka kepada permukaan dinding yang kukuh dan tidak beralah, sekaligus mengalami dan menyedari daya ketahanan dinding. Ini membawa kepada kajian ke atas diri sebagai jasad di sebelah berlawanan dinding yang berusaha menolak, selain kajian ke atas tubuh—bentuk, ketegangan otot dan sensasinya. Kesemua karya beralih daripada latihan fizikal kepada mental, di mana dinding seperti menghilang dan yang tinggal cuma tubuh sendiri, yang dikenali luar dan dalam tapi pada masa yang sama dialami dengan cara baharu.

Anda dipelawa untuk mengambil poster karya daripada susunan di atas ketapak.



① **Tang Da Wu** (l. 1943, Singapura)
Tugu untuk Seub Nakhasathien

1991
Kayu dan plaster
Dimensi berbagai
Koleksi Muzium Kesenian Singapura

Tang Da Wu ialah tokoh tersohor dalam pembangunan seni kontemporari di Singapura, dikenali untuk karya pemasangan, arca dan persembahan yang kritikal. *Tugu untuk Seub Nakhasathien* meneruskan eksplorasi Tang kepada isu alam sekitar dan ekologi. Ia dihasilkan untuk memperingati pakar konservasi ekologi dari Thailand, Seub Nakhasathien, maka berciri empati dan kurang menonjolkan ciri lazim tugu berbanding memorial oleh pihak kerajaan.

Nakhasathien merupakan sarjana dan aktivis dengan semangat membara, dan tidak mengenal penat lelah apabila berkempen untuk perlindungan Tasik Cheow Lan, Sanktuari Hidupan Liar Thungyai Naresuan, dan Sanktuari Hidupan Liar Huai Kha Khaeng. Nakhasathien menghadapi rintangan yang membukit, dan deretan cabaran yang akhirnya gagal ditawan. Nakhasathien meragut nyawa sendiri pada usia 40 tahun. Kejadian tragis ini menggerakkan tindakan, termasuk penubuhan Yayasan Seub Nakhasathien. Usaha konservasi terpuji Nakhasathien menjadi ilham segenerasi muda pegawai peronda hutan—warisan berterusan yang mungkin melangkaui apa yang Nakhasathien sendiri bayangkan.

Tugu Tang mengimbuai keberanian dan perjuangan gagah Nakhasathien dengan memaparkan sebuah bot yang menghala ke hulu sungai. Imej ini kebetulan merujuk kepada perumpamaan Thai “เข็นครกขึ้นภูเขา” yang membawa maksud menolak batu kisar menaiki bukit, bererti tugas yang sukar atau mustahil.

② **Gabriel Barredo** (l. 1957, Filipina; m. 2020, Filipina)
Satu

1999
Media campuran
69.5 × 57.7 × 17.4 cm
Koleksi Muzium Kesenian Singapura

Koleksi karya Gabriel Barredo adalah sekaligus luarbiasa dan hebat. Dicipta dengan cekap menggunakan pelbagai barangan terjumpa dan terpakai, karya ini mencetuskan perasaan alami dan hidup, menarik perhatian pengunjung untuk memasuki dunia berselirat ciptaan Barredo. Meskipun *Satu* tidak memiliki unsur pergerakan seperti karya Barredo yang menyusul kemudian sebagai seniman kinetik perintis, membangkitkan unsur ini dengan kerumitan dan ketepatan mekanikal yang menyarankan tangan stabil seperti pembikin jam.

Kepala Buddha yang berwajah tenang dibelah untuk mendedahkan patung berhias santo seorang bangsawan Sepanyol. Ekspresi di wajah mereka seperti berlawanan, tetapi juga kelihatan senada. Malah, mereka berkongsi badan bersayap yang apabila dibuka menunjukkan pelbagai salib, dewa, dewi, santa dan rahib, dicampur aduk dan kelihatan seperti gabungan misteri dan unsur kesucian.

Dalam konteks *Hadiah*, *Satu* boleh dilihat dari perspektif perhubungan dengan pergerakan imaginasi dan kemungkinan, sama seperti siasatan keadaan manusiawi, yang memiliki unsur binari dan pergelutan.

③ **Anthony Lau** (l. 1933, Malaysia; m. 2016, Malaysia)
Telur Angkasa Lepas

1970

Aluminium

23 × 52 × 25 cm (setiap satu)

Koleksi Galeri Nasional Singapura

Karya Anthony Lau membangkitkan konsep dan subjek dengan begitu jelas melalui penggunaan bahan yang tepat dan terperinci. Bentuk berekor mirip komet; permukaannya sengaja digilap tetapi tidak berkilat, memberikan gambaran objek yang sedang atau pernah bergerak. Meskipun menjejak Bulan merupakan suatu pencapaian ketika perlumbaan ke angkasa lepas sewaktu Perang Dingin, *Telur Angkasa Lepas* Lau kelihatannya seperti sedang menghala ke arah lain— lebih bersifat estetik daripada politikal atau nasionalisme—walaupun dalam mengalami keterujaan dan kemungkinan penerokaan manusia dan sempadan baharu.

Telur Angkasa Lepas boleh dianggap sebagai karya luar biasa Lau, yang dianggap sebagai seorang perintis arca moden di Malaysia dan lebih dikenali untuk arca bertemakan alam sekitar dan unsur alami, seperti *Spirit of Fire/Jin Api* (1959), *The Cockerel/Ayam Jantan* (1963) dan *Forest/Rimba* (1967). Menurut rekod, *Telur Angkasa Lepas* pertama kali dipamerkan di Pameran Seni Kebangsaan ke-13 pada tahun 1970 di Balai Seni Lukis Negara. Ini berlaku selepas Lau menerima biasiswa Fulbright pada tahun 1968 untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Indiana, Amerika Syarikat. Ini berlaku setahun selepas pendaratan di bulan yang pertama pada tahun 1969 oleh angkasawan Amerika Syarikat, Neil Armstrong dan Edwin “Buzz” Aldrin.

④ **Ho Tzu Nyen** (l. 1976, Singapura)
F for Fold

Berkolaborasi dengan Currency Design

Buku seniman

2021

Ditutup: 13 × 15.5 cm

Dibuka: 42 × 25 cm

Koleksi seniman

Dikomisyen oleh Goethe Institut Indonesia

F for Fold melanjutkan projek meta berterusan Ho Tzu Nyen, bertajuk *Kamus Kritikal Asia Tenggara* (CDOSEA) yang bermula pada tahun 2012. Kamus digambarkan sebagai pendekatan alternatif untuk memahami Asia Tenggara, memaparkan perspektif berlapis bagi konsep, motif dan biografi yang bergerak seiringan dengan sejarah, budaya dan pengalaman di rantau ini. Himpunan takrifan yang disusun mengikut abjad Bahasa Inggeris (Latin), dipamerkan buat pertama kali di wadah dalam talian. Semenjak itu, karya telah mengambil bentuk berlainan, termasuk karya filem dan teater, serta pemasangan seni. Di sini, ia mengambil bentuk buku tanpa penghujung yang sarat dengan imej dari pangkalan data bahan audio visual Kamus, muka suratnya yang berlipat-lipat memberi pengalaman tontonan yang poros dan berbagai lapisan melodi (polifoni), cerminan alam pelbagai maksud yang membentuk Asia Tenggara.

Dari semua istilah di dalam Kamus, huruf “Y” berkaitan dengan *Hadiah* kerana merujuk kepada konsep menurut (“*yielding*”). “*Yielding*” di dalam Kamus digunakan untuk menggambarkan kerelaan rantau untuk ditakluk penjajah, aksi yang dijelaskan sebagai tindakan mencerap atau menanggapi. Melihat bererti memberi laluan, mengizinkan diri diubah oleh perkara yang dilihat: “anda bergerak ke dalam imej, sama seperti cara imej bergerak ke dalam anda,” bisik tukang cerita Kamus. Apabila dilihat dalam kerangka *Hadiah*, ia mencadangkan bahawa menerima hadiah bererti menurut kepada kesan-kesan tanggungjawab dan perubahan.